



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN ZAHIRKAN PENGHARGAAN, 4 KAKITANGAN PERIKANAN BERSAMA BOT PL87 SELAMAT DITEMUI

PUTRAJAYA, 1 MAC 2023 – Saya menerima makluman empat (4) orang kakitangan Pejabat Perikanan Negeri Johor yang dilaporkan terputus hubungan sebelum ini telah berjaya ditemui dalam keadaan selamat bersama bot PL87 di perairan negara jiran, Indonesia petang tadi. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas perkara ini.

Menurut APMM, kesemua mereka beserta bot dipercayai telah mengalami kerosakan dan hanyut sebelum ditemui oleh kapal KRI SIGALU 857 milik Tentera Nasional Indonesia (TNI) di kedudukan 23 batu nautika tenggara Tanjung Piai di perairan Batam, Indonesia sekitar jam 1.40 petang tadi. Kesemua mangsa yang ditemui berada dalam keadaan sihat dan selamat serta urusan penghantaran pulang sedang diuruskan.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang Op CARILAMAT (SAR) ini, khususnya kepada APMM yang mengetuai operasi SAR ini dibantu oleh Pasukan Polis Marin (PPM), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Saya juga merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada agensi keselamatan dari negara jiran iaitu Indonesia dan Singapura serta Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di Kuala Lumpur. Operasi ini tidak mungkin berjalan lancar tanpa kerjasama erat daripada semua pihak.

Terdahulu, bot Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang diketuai oleh Puan Fatimah binti Razak (Pegawai Rintah) telah berlepas dari Jeti Jabatan Laut Tanjung Pengelih, Kota Tinggi menuju Pangkalan Utama Perlindungan Sumber Tampoi, Johor Bahru bagi menjalankan operasi perikanan di perairan Johor Barat. Pada jam lebih kurang 4.00 petang semalam, bot tersebut telah terputus hubungan dengan Pejabat Perikanan Negeri Johor dan tidak dapat dikesan.

Kru yang terlibat adalah Puan Fatimah binti Razak, Pembantu Perikanan Gred G22 (36 tahun), Encik Zaharin bin Baharuddin, Pembantu Laut Gred A19 (37 tahun), Encik Halim bin Sanip, Pembantu Laut Gred A19 (52 tahun), dan Encik Marzuki bin Jusoh, Pembantu Laut Gred A19 (53 tahun).

DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

1 MAC 2023